

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Jumaat, 3 Julai 2020 7:47 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Ke Istana Anak Bukit Menghadap Sultan Kedah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 JULAI 2020 / 11 ZULKAEDAH 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR KE ISTANA ANAK BUKIT MENGHADAP SULTAN KEDAH



UUM ONLINE: Alor Setar - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah telah berkenan menerima menghadap Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Istana Anak Bukit, semalam.

Pada sesi tersebut, Naib Canselor merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah atas Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-78 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan pada 21 Jun yang lalu.

Seterusnya, majlis menghadap itu adalah bagi menyembah perkenan dan menyembah maklum tentang beberapa perkara, antaranya ialah Majlis Konvokesyen Ke-33 UUM, pelantikan Pro-Canselor II dan Pro-Canselor III dan Majlis Pemasyhuran Bangunan Canselori Sultan Sallehuddin, seterusnya Syarahan Diraja Oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku selaku Canselor UUM.

Pada masa sama, Naib Canselor juga telah menyembah maklum tentang perkembangan penerbitan Buku Putera Raja Di Bumi Sintok, penerbitan Buku Lagu Nobat Negeri Kedah dan juga perkembangan Projek Baju Kedah *Cyntok Bhatik*.

Beliau turut menyembah maklum tentang Syarahan Undang-Undang Diraja UUM oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff, Tuanku Raja Puan Muda Kedah.

Di samping itu, Naib Canselor menyembah maklum tentang pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu serta tindakan universiti dalam mengekang penularan wabak Covid-19 seperti menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Universiti, penghasilan Projek Bantuan Kemanusiaan Covid-19 antaranya penyediaan pakaian perlindungan diri (PPE), pelitup muka, cecair basmi kuman (hand sanitizer) dan Prowins *face shield* serta melancarkan Tabung Khas Covid-19, selain penawaran geran penyelidikan berjumlah lebih RM100,000.

Turut dipersembahkan adalah perkembangan terkini UUM dalam senarai badan penarafan antarabangsa iaitu Times Higher Education (THE) World University Rankings dan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings yang menunjukkan peningkatan.

Selain itu, Naib Canselor menyembah maklum bahawa UUM menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas kepercayaan yang diberi kepada UUM untuk melaksanakan penubuhan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan kini pihak pengurusan universiti telah memulakan gerak kerja penubuhan pusat STEM tersebut.

Hadir sama Pendaftar, Baharudin Yaacob; Pengarah Canselori, Mohd Zamri Ahmad dan Pengarah UUM Corporate Communication, Rasidah Rodzi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.